

16/08/2003

Petronas dapat konsesi baru di Sudan

Mahfar Ali

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Petronas ditawarkan konsesi baru bagi kegiatan cari gali minyak di Sudan.

Perdana Menteri, berkata Petronas ketika ini sudah beroperasi di Sudan dan tawaran baru bagi kegiatan cari gali minyak di kawasan Blok 8 itu diberikan sebagai tambahan kepada konsesi sedia ada.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Sudan, Lt Gen Omar Hassan, di Ezulwini, Swaziland semalam, bagaimanapun tidak menjelaskan butiran tawaran itu.

Dr Mahathir dan Omar berada di Swaziland bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 yang bermula Rabu lalu.

Perdana Menteri berkata, pada pertemuan lebih setengah jam itu, beliau dan Omar turut berbincang mengenai pelbagai isu, termasuk mengenai sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur pada Oktober ini.

Dr Mahathir berkata, persidangan itu akan membincangkan usaha meningkatkan kerjasama yang lebih meluas dan berkesan di kalangan negara anggota OIC.

"Kita berpendapat kalau tak dapat persetujuan semua, memadai kalau satu kumpulan yang sependapat dan boleh berbincang serta mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Mengenai penyertaan anggota OIC pada sidang kemuncak kali ini, Perdana Menteri berkata beliau diberitahu ramai yang akan menghadirinya.

Ditanya mengenai penahanan Ketua Operasi Jemaah Islamiah (JI), Hambali atau nama sebenarnya, Riduan Isamuddin, Dr Mahathir berkata, beliau perlu terlebih dulu mendapatkan maklumat mengenainya.

"Saya perlu mendapatkan maklumat mengenai perkara ini kerana saya belum diberitahu. Pada masa ini saya tak dapat komen," katanya.